

SOALAN NO: 492

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL9 [PR-1343-T76527]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah terdapat cadangan penjualan unit perumahan DBKL di Flat Sri Kedah dan lain-lain kawasan di Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Flat Sri Kedah merupakan perumahan awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mula diduduki pada tahun 1985. Flat ini terdiri daripada 5 blok 5 tingkat yang mempunyai keluasan 430 kaki persegi setiap unit. Semua unit ini disewa dengan kadar RM 124.00 sebulan.

Perumahan ini adalah salah satu Perumahan Awam DBKL yang disenaraikan dalam kategori cadangan pembangunan semula selepas mengambil kira keadaan rumah yang lama serta peningkatan kos penyelenggaraan yang terpaksa ditanggung oleh DBKL pada setiap tahun.

Namun begitu, DBKL telah menerima permintaan daripada penghuni Flat Sri Kedah agar unit-unit ini dijual kepada mereka agar mereka diberi pemilikan unit memandangkan mereka telah lama menetap hampir 30 tahun.

Setelah mengambil kira faktor dan juga permasalahan yang timbul untuk membangunkan rumah ini khususnya penempatan sementara mereka, DBKL sedang mengkaji cadangan penjualan unit Flat Sri Kedah dan keputusan mengenainya akan ditentukan kelak.